



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN RELA KE-54 DAN KARNIVAL JELAJAH WIRA MADANI RELA TAHUN 2026 PERKUKUH SEMANGAT KESUKARELAWAN DAN PATRIOTISME

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN RELA KE-54 DAN KARNIVAL JELAJAH WIRA
MADANI RELA TAHUN 2026 PERKUKUH SEMANGAT KESUKARELAWAN DAN
PATRIOTISME

MELAKA, 12 Julai 2026 – YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri hari ini telah menyempurnakan Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Ke-54 dan Karnival Jelajah Wira MADANI RELA Tahun 2026 bertempat di Akademi Latihan RELA Malaysia (ALARM), Melaka. Ketibaan YB Timbalan Menteri telah disambut oleh YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Program yang menghimpunkan hampir 1,000 anggota RELA dan masyarakat ini bertujuan untuk memperingati penubuhan RELA sebagai sebuah organisasi sukarelawan keselamatan dalam membantu kerajaan memelihara ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat sejak penubuhannya pada 3 Julai 1972. Sambutan ini turut menjadi manifestasi penghargaan kepada seluruh warga RELA atas jasa, dan pengorbanan dalam melaksanakan amanah kepada negara.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri menegaskan bahawa ulang tahun ke-54 bukan sekadar meraikan penubuhan RELA, malah melambangkan kematangan sebuah organisasi yang kekal utuh sebagai rakan strategik kerajaan dalam memperkukuh keselamatan komuniti. Beliau berkata, semangat sukarelawan yang menjadi tunjang penubuhan RELA terus relevan dan menjadi bukti bahawa patriotisme rakyat Malaysia sentiasa subur dalam menyokong agenda keselamatan negara.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada seluruh anggota RELA yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan diri dengan menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat. Menurut beliau, nilai pengorbanan anggota RELA

tidak boleh diukur dengan wang ringgit kerana mereka merupakan wira masyarakat yang sentiasa bersedia berkhidmat demi keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Seiring aspirasi Malaysia MADANI, kerajaan akan terus memperkukuh peranan RELA sebagai aset strategik negara melalui pemeraksanaan latihan, peningkatan kebajikan anggota serta pengiktirafan yang sewajarnya. RELA juga disaran terus memperkasa kompetensi anggotanya agar sentiasa bersedia mendepani cabaran keselamatan pada masa ini.

Turut diadakan penyampaian Pingat Antarabangsa RELA kepada PgKR Shanthi A/P Subarayan, Pegawai Operasi RELA Negeri Sarawak, penyampaian Pingat Perkhidmatan RELA kepada 20 anggota RELA, penyampaian Pingat Am kepada lima anggota RELA, dan pemakaian patch kepada pegawai RELA. Majlis diakhiri dengan Pertandingan Akhir Gusti Lengan yang diadakan semasa Karnival Jelajah Wira MADANI RELA Tahun 2026. Penganjuran karnival ini bertujuan untuk mendekatkan antara warga RELA dengan masyarakat dengan pengisian program seperti indoor games, pertandingan gusti lengan serta Majlis RELA Berselawat dengan pengisian ceramah dan persembahan qasidah.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri; mantan ketua-ketua Pengarah RELA Malaysia, Pengurusan Tertinggi KDN, serta ketua-ketua jabatan, agensi Kerajaan Negeri, warga RELA dan penduduk sekitar.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA
12 JULAI 2026